

### PRAKTIS 1 : KESALAHAN EJAAN

Kenal pasti kesalahan ejaan kata nama yang terdapat dalam ayat-ayat yang berikut. Tulis ejaan yang betul pada ruang yang disediakan.

1. Pelajar yang ponting sekolah itu dihukum oleh guru disiplin. \_\_\_\_\_
2. Abang mencuci motorsikal baharunya di halaman rumah. \_\_\_\_\_
3. Ruang pakir di tingkat bawah pusat beli-belah itu sudah penuh. \_\_\_\_\_
4. Encik Zulkifli memakai kain sarong yang dibeli di negara seberang. \_\_\_\_\_
5. Persidangan itu dihadiri oleh golongan ilmuan dari seluruh dunia. \_\_\_\_\_
6. Ukiran kayu yang bermutu dipamerkan di galeri itu. \_\_\_\_\_
7. Penel forum itu terdiri daripada pensyarah-pensyarah kanan universiti tempatan. \_\_\_\_\_

### PRAKTIS 2 : KESALAHAN IMBUHAN

Betulkan kesalahan imbuhan bagi ayat-ayat di bawah ini.

1. Puan Katijah dihidangkan sepiring kuih baulu kepada para tetamunya. \_\_\_\_\_
2. Sikap dan amalan yang baik harus menjadikan teladan. \_\_\_\_\_
3. Baju kurung Manisah terjadi perhatian kerana ditaburi labuci dan manik. \_\_\_\_\_
4. Yazid melihat kalendar untuk diketahui tarikh permulaan cuti sekolah. \_\_\_\_\_
5. Azim membeli jaket berkulit tebal untuk memakai pada musim sejuk di luar negara. \_\_\_\_\_
6. Bunyi gesekan biola pemuzik veteran itu sungguh syahdu dan berasyikkan. \_\_\_\_\_
7. Datuk Musa meminta setiausaha beliau disiapkan dokumen itu dengan segera. \_\_\_\_\_

### PRAKTIS 3 : KESALAHAN STRUKTUR AYAT

Betulkan kesalahan struktur ayat bagi ayat-ayat di bawah ini.

1. Serundeng daging yang ibu oleh dimasak sekali enak.  
\_\_\_\_\_
2. Pinggan mangkuk belum saya cuci di singki dalam.  
\_\_\_\_\_
3. Nadiyah membaiki mekanik untuk menghubungi keretanya yang rosak.  
\_\_\_\_\_
4. Linda membeli insurans polisi itu kedua-dua untuk orang ibu bapanya.  
\_\_\_\_\_